



**TEKS UCAPAN**

**UCAPAN PERASMIAN**

**Y.B DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI**

**TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (I)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN**

**KONVENSYEN GAP RISDA NEGERI SARAWAK TAHUN 2017**

**TEMPAT : KEM BINA NEGAR SAMPADI,  
LUNDU, SARAWAK**

**TARIKH : 19 OGOS 2017 (SABTU)**

**MASA : 10.00 PAGI**

## **Salutasi**

- 1. Ybrs. Pengerusi Majlis**
- 2. Ybhg.Pn.Hjh.Zainabon binti Ismail  
Pengarah Bahagian Pengembangan dan Pemindahan Teknologi  
mewakili Ketua Pengarah RISDA**
- 3. Ybrs.En.Zulkefli bin Zaini  
Pengarah RISDA Negeri Sarawak**
- 4. Pegawai-pegawai RISDA Negeri Sarawak/ Pegawai-Pegawai RISDA  
Bahagian Sarawak**
- 5. Pemaju-pemaju Masyarakat RISDA (PMR), Pekebun-Pekebun Kecil  
RISDA Negeri Sarawak**
- 6. Rakan-rakan Media**
- 7. Tuan – Tuan dan Puan – Puan sekalian**

**Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Negaraku Sehati  
Sejiwa,**

1. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Pengurusan RISDA Negeri Sarawak kerana berjaya menganjurkan konvensyen ini dan menyahut seruan kerajaan untuk memajukan modal insan. Ini adalah bertepatan dengan teras strategi ketiga dalam Rancangan Malaysia Ke-11 yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri kita, YAB Datuk Seri Mohd Najib bin Abdul Razak, dimana modal insan adalah sumber terpenting kepada

pembangunan negara. Maju atau mundurnya sesebuah negara bergantung penuh kepada kekuatan dan kehebatan nilai, kompetensi dan kemahiran insaniah. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pekebun kecil yang hadir pada hari ini untuk sama – sama mendengar dan menghayati perkembangan isu – isu semasa yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Hadirin sekalian,

2. Kerajaan sentiasa meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan untuk pekebun kecil dan masyarakat luar bandar dalam usaha membantu menangani peningkatan kos sara hidup. Lihat sahaja pembentangan bajet setiap tahun, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta agensi di bawahnya sentiasa menerima peruntukan yang banyak dan memberi faedah yang amat besar kepada masyarakat luar Bandar merangkumi infrastruktur, prasarana, ekonomi, perumahan dan pendidikan. Ini menunjukkan kerajaan sentiasa mengambil berat perihal penduduk luar Bandar agar sentiasa menerima kesan positif hasil daripada pembangunan Negara. Kerajaan hari ini sangat komited untuk memperkasakan pembangunan luar Bandar dan melalui beberapa program Quick Win, semua bantuan dan peruntukan disalurkan dengan cepat bagi menyegerakan projek atau prasarana luar Bandar.

3. Saya juga difahamkan antara usaha yang dilaksanakan oleh pihak RISDA sendiri termasuklah memendekkan rantai pemasaran getah dan sawit melalui pembinaan prasarana Pusat Timbang dan Stor dan depot belian di samping menggalakkan pekebun kecil mempraktikkan amalan pertanian baik. Hasil daripada pengurusan yang baik juga, pekebun kecil kini menikmati kadar bantuan tanam semula yang meningkat dari tahun ke tahun sesuai dengan situasi semasa iaitu RM 9,230 sehektar bagi Semenanjung, Sabah RM 14,000 dan Sarawak RM 13,500 dengan lima kali ansuran.

Hadirin sekalian,

4. Kita semua sedar, senario industri getah kini melalui trend yang tidak menentu akibat ketidakstabilan harga pasaran dunia. Ada antara pengusaha – pengusaha getah lebih cenderung untuk menggunakan getah sintetik berbanding getah asli. Manakala ada juga Negara – Negara pengeluar getah asli mengeluarkan getah dalam skala yang besar dan mempengaruhi pasaran antarabangsa dan kemudian berlaku lambakan getah di pasaran. Sehubungan itu, bagi menjaga kebajikan pekebun kecil, sebelum ini Kerajaan telah pun melaksanakan penanguhan wang ses iaitu menanggungkan pembayaran balik wang potongan bantuan tanam semula

getah (SES) susulan kejatuhan harga getah dan telah melaksanakan Bantuan Kejatuhan Harga Getah pada tahun 2016. Pada tahun ini, KKLW juga sedang mengambil langkah untuk mewujudkan permintaan getah untuk pembinaan jalan raya di Malaysia bagi membolehkan permintaan meningkat dan secara langsung meningkatkan harga getah.

5. Selain dari itu, kerajaan juga prihatin kepada pekebun dan penoreh yang tidak boleh ke ladang apabila berlaku musim tengkujuh. Semasa pembentangan bajet 2017 turut diumumkan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) yang akan memberi manfaat kepada semua pekebun kecil seluruh negara.

Bantuan sebanyak RM 200 (one off) sebulan sepanjang tiga bulan bermula November 2017 hingga Januari 2018.

6. KKLW dan semua agensi di bawahnya kini berikhtiar dengan lebih mendalam mencari kaedah menghasilkan industri hiliran berasaskan getah sebagai langkah jangka panjang untuk menstabilkan harga getah di pasaran tempatan. Banyak produk yang berasaskan getah boleh dikeluarkan menerusi industri hiliran seperti alat ganti kenderaan, tiub motosikal, barangan perhiasan dan sebagainya yang mendapat permintaan tinggi di kalangan pengguna. Sekiranya industri hiliran ini dapat dilaksanakan dengan lebih meluas, ia boleh menstabilkan harga barangan komoditi getah atau sawit di samping pengguna pula dapat membeli barangan dengan harga lebih rendah.

7. Senario industri getah dan sawit kini mengkehendaki Kerajaan dan agensi mencipta pembaharuan. Pekebun kecil tidak boleh lagi bergantung kepada getah dan sawit sahaja tetapi perlu mempunyai sumber pendapatan kedua. Sehubungan itu, KKLW dan RISDA serta semua agensi turut membuka ruang dan bantuan dalam aktiviti keusahawanan. Bagi RISDA sahaja, peruntukan sebanyak RM 27 juta disalurkan untuk pekebun kecil seluruh Malaysia bagi mengembangkan aktiviti perniagaan merangkumi Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET), pembangunan produk, pembangunan premis perniagaan, pemasaran, promosi dan membina jaringan strategic dengan agensi berkaitan. Adalah diharapkan pekebun kecil dapat mengambil peluang ini sebaik mungkin untuk meningkatkan taraf hidup masing – masing.

Para hadirin sekalian,

8. Akhir kata, saya berharap konvensyen ini akan mencapai objektifnya serta dapat meningkatkan jati diri dan diharapkan informasi yang disampaikan sebentar tadi dapat dihebahkan kepada semua pekebun kecil. Saya juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pengurusan RISDA Negeri Sarawak di atas kejayaan menganjurkan dan konvensyen pada kali ini.

**Dengan itu saya merasmikan dan Konvensyen GAP RISDA Negeri Sarawak Tahun 2017. Sekian, Terima Kasih.**